

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH  
DI KUALA TERENGGANU  
DI NEGERI TERENGGANU**

Dalam Perkara Tuntutan Hak Penjagaan Kanak-kanak

**SAMAN NO : 11200-028-0194-2012**

**ANTARA**

xxxx ---  
No. KP : 123456

PLAINTIF

**DENGAN**

yyyy ---  
No. KP : 123456

DEFENDAN

**DI HADAPAN YANG ARIF  
TUAN HAJI WAN MOHD ZAKRI BIN WAN MOHD, AMZ., PJK.,  
HAKIM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH NEGERI TERENGGANU  
DI KUALA TERENGGANU**

**PADA HARI SELASA, 22 REJAB 1433H  
BERSAMAAN 12 JUN 2012**

**ATAS TUNTUTAN** Plaintiff, Tuntutan ini dipanggil untuk Majlis Pertemuan Sulh dan dalam Pertemuan Sulh tersebut kedua-dua pihak telah membuat persetujuan. **MAKA PADA HARI INI YANG ARIF HAKIM TELAH MEMBUAT PENGHAKIMAN SEPERTI BERIKUT :-**

Tuntutan yang didengar di hadapan saya pada hari Selasa, 22 Rejab 1433H bersamaan 12 Jun 2012 ini ialah tuntutan untuk mendapatkan Hak Penjagaan Kanak-Kanak secara kekal yang dibuat xxxx, No. KP 123456, Plaintiff ke atas yyyy, No. KP : 123456, Defendan. Dalam kes ini Plaintiff menuntut untuk mendapatkan hak penjagaan kanak-kanak secara kekal ke atas tiga orang anak pasangannya bersama Defendan yang bernama:-

- i) Muhammad Irfan bin Tajul Arifin,

No. Mykid : 011015-11-0741

Tarikh lahir: 15 Oktober 2001,

ii) Damia Humaira binti Tajul Arifin,

No. Mykid : 050516-11-0338

Tarikh lahir: 16 Mei 2005, dan

iii) Dhiya Humaira binti Tajul Arifin,

No. Mykid : 090823-11-0510

Tarikh lahir: 23 Ogos 2009.

*( Selepas ini disebut " Anak- anak Tersebut " )*

Plaintif di dalam kes ini adalah seorang Penolong Pegawai Tadbir di Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar di Wilayah Persekutuan Putrajaya. Pada masa ini alamat penyampaian Plaintif ialah di 371, Kampung Alur Tembesu, 23000 Dungun, Terengganu. Manakala Defendan pula adalah bekas suami Plaintif dan bekerja sebagai Pegawai Teknologi Maklumat di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di Kuala Terengganu, Terengganu. Pada masa ini alamat penyampaian Defendan pula adalah di B-604, Kampung Banggol Pauh, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu.

Plaintif dan Defendan telah berkahwin pada 4 Jun 2000 di B-604, Kampung Banggol Pauh, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu berwalikan bapa Plaintif, Abdullah bin Hussain. Pihak-pihak telah bercerai talak satu kali pertama melalui lafaz suami pada 17 Safar 1433 H bersamaan 11 Januari 2012 di Mahkamah Rendah Syariah Kuala Terengganu dalam Permohonan No. : 11005-055-0763-2011. Perceraian berlaku di dalam Mahkamah dan dengan kebenaran Mahkamah.

Pada hari yang sama, iaitu pada 12 Jun 2012, Plaintif dan Defendan telah hadir dalam Majlis Pertemuan Sulh yang telah dipengerusikan oleh Pegawai Sulh, Puan Nurul Huda binti Abdul Rahman. Semasa majlis tersebut pihak-pihak telah membuat persetujuan ke atas hak

penjagaan ke atas tiga orang Anak-anak tersebut yang mana diberikan kepada Plaintiff, xxxx, No. KP : 123456. Pihak-pihak juga bersetuju dalam beberapa perkara yang terbit daripada Hak Penjagaan Anak-anak Tersebut. Penghakiman Persetujuan (Sulh) telah dibuat pada hari yang sama oleh kerana pihak Plaintiff bekerja di Putrajaya.


Mahkamah mengucapkan berbanyak terima kasih kepada kedua-dua belah pihak dan Pegawai Sulh yang telah memainkan peranan dalam mencapai kata persetujuan dalam beberapa perkara. Sulh berasal daripada bahasa Arab iaitu diambil daripada perkataan *salaha* yang bermaksud dari segi bahasa *berbuat baik*. Mengikut pandangan As-Sheikh Muhammad Al-Khatib As-Syarbini, (meninggal dunia dalam tahun 977 Hijrah), di dalam kitabnya *Mughni al Muhtaj*, juzuk kedua, cetakan Darul Ma'rifah, pada muka surat 230 ada menyebut takrifan al Sulh :

وهو لغة : قطع النزاع، وشرعا : عقد يحصل به ذلك

Yang beerti :

*“ Secara literalnya bermaksud ‘ memutuskan pertikaian ‘, manakala dalam pengertian syarak pula membawa maksud ‘ suatu akad atau perjanjian yang mengakhiri pertikaian antara dua orang yang bersengketa secara damai’ ”.*

Dengan kata lain ,para ulama fiqh mentakrifkan Sulh sebagai satu ikatan perjanjian atau kontrak bersama untuk mencapai kompromi perdamaian antara dua atau lebih pihak yang bertikai atau berselisihfaham. Mahkamah amat menggalakkan pihak-pihak yang bertikai menyelesaikan pertikaian antara mereka secara sulh. Ini adalah bertepatan dengan firman Allah s.w.t berfirman, antaranya;



Yang bermaksud,

*“Dan jika seorang perempuan bimbang akan timbul dari suaminya ‘nusyuz’ (kebencian), atau tidak melayaninya, maka tiadalah salah bagi mereka (suami isteri) membuat perdamaian di antara mereka berdua (secara yang sebaik-baiknya), kerana perdamaian itu lebih baik (bagi mereka daripada bercerai-berai); sedang sifat bakhil kedekut (tidak suka memberi atau bertolak ansur) itu memang tabi’at semula jadi yang ada pada manusia. Dan jika kamu berlaku baik (dalam pergaulan), dan mencegah diri (daripada melakukan kezaliman), maka sesungguhnya Allah Maha Mendalam Pengetahuan Nya akan apa yang kamu lakukan.”*

Dalam satu hadis pula yang diriwayatkan oleh Imam at Tirmizi dari Amru bin Auf al Muzni bahawa Rasulullah SAW telah bersabda yang bermaksud :

الصلح جائز بين المسلمين إلا صلحا حرم حلالا أو أحل حراما والمسلمون على شروطهم إلا  
شرطا حرم حلالا أو أحل حراما

*“ Perdamaian (Sulh) itu adalah suatu yang harus di antara muslimin kecuali suatu perdamaian yang yang mengharamkan yang halal atau yang menghalalkan yang yang haram. Kaum muslimin terikat dengan janji mereka kecuali janji yang mengharamkan yang halal dan menghalalkan yang haram ”*

Sunan al Tirmizi, hadis no. 1352, hadis hasan sahih

Kedua-dua nas Al Quran dan Al Sunnah di atas menunjukkan bahawa Sulh ini telah lama wujud dan Islam amat menggalakkan medium Sulh ini dalam menyelesaikan pertikaian. Manakala menurut Undang-undang, peruntukan tentang kuasa melaksanakan majlis atau proses Sulh di Mahkamah Syariah Terengganu diletakkan dalam Seksyen 99, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 yang menyatakan :

*“Pihak-pihak dalam apa-apa prosiding boleh, pada mana-mana peringkat prosiding itu, mengadakan sulh untuk menyelesaikan pertikaian mereka mengikut apa-apa kaedah yang ditetapkan atau, jika tiada kaedah sedemikian, mengikut Hukum Syarak”.*

Walaupun dalam kes ini telah ada persetujuan antara pihak-pihak yang bertikai, namun adalah mustahak bagi Mahkamah menentukan bidang kuasanya terlebih dahulu kerana berdasarkan Hadis riwayat Amru bin Auf di atas limitasi Sulh ini hanya dalam had yang ditetapkan oleh Hukum Syara'. Mengikut Hukum Syara' sebagai mana yang telah dihuraikan di dalam kitab *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, oleh Dr. Wahbah al-Zuhaily, juzuk keenam, Darul Fikr, Damsyek, Syria, cetakan ketiga, 1409H/1989M, mulai muka surat 750 hingga muka surat 751, yang mana dapat disimpulkan bahawa bidang kuasa Hakim (*qadi*) ada sepuluh; iaitu :-

1. *Menyelesaikan pertikaian atas dua pihak yang berselisih sama ada secara suka sama suka (sulh), atau secara paksaan melalui hukuman yang diperkuat kuasakan.*
2. *Menghalang orang yang zalim daripada melakukan perompakan, pencerobohan dan lain-lain, serta menolong orang teraniaya dan menyampaikan hak kepada tuannya.*
3. *Menegakkan hudud dan menjalankan hak-hak Allah s.w.t.*
4. *Menyelesaikan kes-kes tuntutan darah dan luka-luka.*
5. *Menyelesaikan kes-kes berkaitan dengan harta anak yatim, orang gila dan melantik wasi untuk menguruskan harta mereka.*
6. *Mengawasi harta waqaf.*
7. *Melaksanakan wasiat.*
8. *Mengahwinkan wanita yang tidak ada wali, atau yang walinya enggan mengahwinkannya.*
9. *Mengawasi kepentingan-kepentingan awam seperti jalan raya dan lain-lain.*
10. *Menyuruh kepada yang baik dan melarang yang mungkar dengan perkataan dan perbuatan.*

Perkara yang pertama di dalam bidangkuasa Kehakiman Islam yang disebutkan di atas ialah menyelesaikan pertikaian atas dua pihak yang berselisih sama ada secara suka sama suka (*sulh*), atau secara paksaan. Dalam kes ini Plaintiff dan Defendan telah bertikai tentang Tuntutan Hak Penjagaan Kanak-kanak dan mereka telah memilih untuk menyelesaikan pertikaian mereka secara Sulh.

Mengenai bidangkuasa Mahkamah Tinggi Syariah, telah diperuntukkan di dalam subseksyen 11(3) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001;

*Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah –*

- (a) dalam bidangkuasa jenayahnya, membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang orang Islam dan boleh dihukum di bawah Enakmen ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang sedang berkuat kuasa yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam, dan boleh mengenakan apa-apa hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu; dan*
- (b) dalam bidangkuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan –*
  - (i) pertunangan, perkahwinan, ruju', perceraian, pembubaran perkahwinan (fasakh), nusyuz, atau pemisahan kehakiman (faraq) atau apa-apa perkara yang berkaitan dengan perhubungan antara suami isteri;*
  - (ii) apa-apa pelupusan atau tuntutan harta yang berbangkit daripada mana-mana perkara yang dinyatakan dalam subperenggan (i);*
  - (iii) nafkah orang-orang tanggungan, kesahatarafan, atau penjagaan atau jagaan (hadhanah) budak-budak;*
  - (iv) pembahagian atau tuntutan harta sepencarian;*
  - (v) wasiat atau alang semasa marad-al-maut;*
  - (vi) alang semasa hidup, atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang memadai dengan wang atau nilai wang, oleh seorang orang Islam ;*

- (vii) *wakaf atau nazar;*
- (viii) *pembahagian atau pewarisan harta berwasiat atau tak berwasiat ;*
- (ix) *penentuan orang-orang yang berhak kepada bahagian harta pusaka seseorang si mati yang beragama Islam atau bahagian-bahagian yang kepadanya masing-masing orang itu berhak;*
- (x) *pengisytiharan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam;*
- (xi) *pengisytiharan bahawa seseorang yang telah mati itu ialah seorang Islam atau sebaliknya pada masa kematiannya ; dan*
- (xii) *perkara-perkara lain yang berkenaan dengannya bidang kuasa diberikan oleh mana-mana undang-undang bertulis.*

Subseksyen 12 (2) Enakmen Mahkamah Syariah ( Terengganu ) 2001 pula memperuntukkan;

*Mahkamah Rendah Syariah hendaklah –*

*(a) dalam bidang kuasa jenayahnya, membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang orang Islam dan boleh dihukum di bawah Enakmen ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam yang baginya hukuman maksimum yang diperuntukkan oleh Enakmen atau mana-mana undang-undang bertulis itu tidak melebihi tiga ribu ringgit, atau pemenjaraan selama tempoh dua tahun atau kedua-duanya, dan boleh mengenakan mana-mana hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu; dan*

*(b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding yang Mahkamah Tinggi Syariah diberi kuasa untuk mendengar dan memutuskannya, jika amaun atau nilai hal perkara yang*

*dipertikaikan itu tidak melebihi seratus ribu ringgit atau tidak dapat dianggarkan dengan wang (tidak termasuk tuntutan hadhanah atau harta sepencarian).*

Manakala Arahan Amalan no.1 tahun 2010, dalam menentukan kes-kes yang boleh dirujuk ke Majlis Sulh semasa pendaftaran adalah termasuk kes Hak Penjagaan Kanak-kanak ataupun Hadhanah sebagaimana berikut:

*“ .....bahawa kes-kes yang dinyatakan di bawah ini perlu dirujuk ke Majlis Sulh semasa peringkat pendaftaran kes di Mahkamah Syariah.*

- 009 - Tuntutan Gantirugi Pertunangan*
- 016 - Tuntutan Muta'ah*
- 017 - Tuntutan Harta Sepencarian*
- 018 - Tuntutan Nafkah Isteri*
- 019 - Tuntutan Nafkah Kepada Pihak Tak Upaya*
- 020 - Tuntutan Cagaran Nafkah*
- 021 - Tuntutan Nafkah Eddah*
- 022 - Tuntutan Mengubah Perintah Nafkah*
- 023 - Tuntutan Tunggakan Nafkah*
- 024 - Tuntutan Nafkah Anak*
- 025 - Tuntutan Mengubah Perintah Hak Jagaan Anak/Nafkah Anak*
- 026 - Tuntutan Mengubah Perjanjian Hak Jagaan Anak/Nafkah Anak*
- 028 - Tuntutan Hadhanah*
- 049 - Tuntutan Gantirugi Perkahwinan*
- 059 - Tuntutan Hak Tempat Tinggal*
- 060 - Tuntutan Perintah Supaya Suami Tinggal Bersama Semula*
- 062 - Tuntutan Isteri Kembali Taat*
- 063 - Tuntutan Mas Kahwin “.*

Aplikasi medium Sulh sebenarnya telah lama diamalkan di Mahkamah Syariah, dalam satu kes di Terengganu iaitu ***Semek binti Mamat lawan Siti Zubaidah binti Yasin & Yang Lain***



(1995) *11jurnal Hukum 153* tentang harta sepencarian, kedua-dua pihak bertelagah telah bersetuju untuk menyelesaikan kes mereka melalui kaedah Sulh. Mengikut peruntukan Hukum Syara' dan Undang-undang yang berjalan kuatkuasanya di dalam negeri ini pada masa sekarang, bahawa Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu adalah Mahkamah yang berkompeten dan mempunyai bidangkuasa mendengar dan memutuskan tuntutan Hak Penjagaan Kanak-kanak. Mahkamah juga berpuas hati bahawa kes ini termasuk dalam kes yang boleh dirujuk kepada Majlis Sulh.

Sehingga hari ini, masih belum ada perintah Hak Penjagaan Kanak-kanak daripada mana-mana Mahkamah ke atas Anak-anak Tersebut yang dituntut oleh Plaintiff. Kesemua Anak-anak Tersebut tinggal bersama Plaintiff yang juga ibu kandung mereka. Mengenai Hak Penjagaan Kanak-kanak dalam kes ini, Mahkamah melihat ada dua isu; iaitu pertamanya apakah yang dimaksudkan dengan hak penjagaan kanak-kanak atau hadhanah (atau dalam Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam (Terengganu) 1985 dieja dengan hadanah)? Dan kedua, isu untuk menentukan kepada siapakah hak penjagaan kanak-kanak itu patut diserahkan. Namun, dalam isu kedua ini oleh kerana telah wujud persetujuan antara kedua-dua pihak yang bertikai maka tidaklah perlu Mahkamah menjelaskan secara panjang lebar.

Dalam menerangkan definisi Hak Penjagaan Kanak-kanak atau Hadhanah ini, terlebih dahulu merujuk kepada hadis Rasulullah s.a.w yang mana menjadi asas kepada Hak Jagaan Anak ini. Hadis yang diriwayatkan oleh 'Amru bin Syu'aib daripada ayahnya yang diterima daripada datuknya, Abdullah bin 'Amru, berbunyi;

أن رسول الله جاءته امرأة فقالت : يا رسول الله، إن ابني هذا كان بطني له وعاء، وحجري

له حواء، وثديي له سقاء، وإن أباه طلقني وزعم أنه ينزعه مني، فقال : أنت أحق به ما لم

تنكحي

Maksudnya :

*“ Bahawa Rasulullah s.a.w. telah didatangi seorang perempuan lalu perempuan itu mengadu kepadanya, ‘ Wahai Rasulullah, sesungguhnya anakku ini dulu dalam perut ku dia bernaung, tetek ku ini tempat dia menyusui, dan pangkuan ku ini tempat dia berlindung, sesungguhnya bapanya telah menceraikan ku dan dia bermaksud merampas anak ku ini dari ku,’ lalu Rasulullah s.a.w. bersabda kepada perempuan itu, “Engkau lebih berhak padanya selama engkau tidak bernikah lain”.*

Sunan Abi Daud, juzuk kedua, Kitab Al-Talaq, Hadis 2276, muka 283

Dalam kes ini, Plaintif seorang ibu kepada Anak-anak Tersebut telah memfailkan tuntutan ini kepada Mahkamah ini dan dalam Pernyataan Tuntutan mengatakan kesanggupannya untuk menjaga Anak-anak Tersebut. Definisi Hak Jagaan Anak sebagaimana Hukum Syara’ telah dijelaskan oleh As-Sheikh Muhammad Al-Khatib As-Syarbini, (meninggal dunia dalam tahun 977 Hijrah), di dalam kitabnya *Mughni al Muhtaj*, juzuk ketiga, cetakan Darul ma’rifah, pada muka surat 592 ada menyebut takrifan al hadhanah sebagaimana berikut ;

وشرعا حفظ من لا يستقل بأمر نفسه عما يؤذيه لعدم تمييزه كطفل وكبير مجنون  
وتربيته أى تنمية المحضون بما يصلحه بتعهده بطعامه وشرابه ونحو ذلك

Yang beerti :

*“ Hadhanah dari segi syara’ bererti tanggung jawab menjaga seseorang yang tidak mampu menguruskan dirinya sendiri, oleh kerana masih belum mampu atau tidak mampu membuat pemilihan mana satu yang baik dan mana satu yang buruk, seperti kanak-kanak kecil atau orang dewasa yang gila, dan juga tanggung jawab memberi pendidikan kepada mereka yang berkenaan itu hingga menyebabkan mereka berjaya menjadi manusia yang baik, serta tanggung jawab memberi makan minum dan seumpamanya kepada mereka”.*

Dalam kes ini, Anak –anak Tersebut, Muhammad Irfan bin Tajul Arifin berumur 10 tahun lebih, Damia Humaira binti Tajul Arifin berumur lebih kurang 7 tahun dan Dhiya Humaira binti Tajul Arifin berumur 2 tahun lebih. Kesemuanya adalah mereka yang masih belum

mampu menguruskan dirinya sendiri dan memerlukan penjaga. Oleh yang demikian isu pengertian Hadhanah atau Hak Penjagaan Kanak-kanak telah terjawab.

Dalam kes ini kedua-dua pihak telah bersetuju dalam Hak Penjagaan Anak-anak tersebut di dalam Majlis Sulh. Antara persetujuan bersama yang dicapai ialah :

- i. Hak Jagaan ke atas tiga (3) orang Anak-anak tersebut diberikan kepada ibunya, xxxx, No. KP : 123456, Plaintiff.
- ii. yyyy, No. KP : 123456, Defendan diberikan hak lawatan terhadap ketiga-tiga Anak-anak Tersebut pada bila-bila masa dan hak bermalam setelah mendapat persetujuan xxxx, No. KP : 123456, Plaintiff.
- iii. xxxx, No. KP 123456, Plaintiff hendaklah memaklumkan kepada Tajul Arifin bin Abd Manan, No. KP : 760104-11-5809, Defendan sekiranya Plaintiff ingin membawa Anak-anak Tersebut ke luar Negara dan begitulah sebaliknya sekiranya Defendan ingin membawa Anak-anak Tersebut ke luar Negara hendaklah memaklumkan kepada Plaintiff.

Sebagaimana hadis yang diterangkan sebelum ini, diriwayatkan oleh Imam at Tirmizi dari Amru bin Auf al Muzni bahawa Rasulullah SAW telah bersabda yang bermaksud “ *Perdamaian (Sulh) itu adalah suatu yang harus di antara muslimin kecuali suatu perdamaian yang mengharamkan yang halal atau yang menghalalkan yang yang haram...* ”, maka Mahkamah perlu memastikan bahawa persetujuan ini tidak bercanggah dengan ketetapan dan garis panduan Hukum Syara’.

Pihak-pihak telah bersetuju menyerahkan Hak Jagaan Anak-anak Tersebut kepada Plaintiff iaitu ibu kepada Anak-anak Tersebut. Perkara ini adalah menepati kehendak Hukum Syara’ dan peruntukkan Undang-undang. Di dalam kitab *Kifayatul al Akhyar*, karangan Al-Imam Taqiyuddin Abi Bakar bin Muhammad, (ulamak pengikut mazhab Syafei kurun kesembilan Hijrah), juzuk 2, muka 93, cetakan Sulaiman Marie, Singapura, ada menyebut;

وهي نوع من الولاية إلا أنها بالإناث أليق، لأنهن أشفق وأهدى إلى التربية وأصبر على القيام بها وأشد ملازمة للأطفال، ومؤنة الحضانة على الأب، لأنها من أسباب الكفاية كالنفقة، فإذا فارق الرجل زوجته فالأم أحق بحضانة الولد منه، ومن النساء باشرط

Yang beerti :

*“ Hadhanah adalah sejenis kuasa, kecuali atas sebab-sebab yang tertentu, diberi kepada perempuan kerana mereka lebih menaruh kasih sayang kepada kanak-kanak, lebih tepat untuk mendidiknya, lebih sabar dalam melaksanakan tugas memelihara kanak-kanak dan perempuan juga sentiasa lebih banyak bergaul dengan kanak-kanak. Pembiayaan hadonah tertanggung ke atas bapa kerana pembiayaan hadonah itu adalah diperlukan sama seperti nafkah. Apabila seseorang lelaki bercerai dengan isterinya, ibu (isteri itu) adalah lebih berhak mendapat hak hadonah anak pasangan itu daripada bapa anak itu, dan daripada wanita-wanita yang lain dengan beberapa syarat.”*

Manakala dalam Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam Terengganu 1985, Seksyen 80 (1) berkaitan orang – orang yang berhak menjaga kanak-kanak juga menyatakan keutamaan ibu sebagai penjaga :

*(1) Tertakluk kepada seksyen 81, ibu adalah yang paling berhak dari segala orang bagi menjaga anak kecilnya dalam masa ibu itu masih dalam perkahwinan dan juga selepas perkahwinannyadibubarkan.*

Keutamaan ibu yang paling layak adalah berdasarkan sebab ibunya lebih menaruh kasih sayang, lebih sabar mendidiknya, membelainya manja, lemah lembutnya, lebih merindunya dan sebagainya. Kesemua sifat-sifat yang ada pada diri ibu tersebut

sebenarnya adalah demi kemaslahatan anak tersebut bukannya kemaslahatan ibu penjaganya. Ini bertepatan konsep hadhanah yang mana dijelaskan oleh Sayed Sabiq dalam Kitabnya *Fiqh al-Sunnah*, Jilid 8 :


إن لكل من الحاضنة والمحضون حقا في الحضانة ، إلا أن حق المحضون أقوى من حق الحاضنة

Yang beerti :

*“ Sesungguhnya setiap yang menjaga dan yang dijaga (anak) mempunyai hak di dalam hal pemeliharaan tetapi hak yang dijaga(anak) lebih kuat daripada hak yang menjaga “.*

Mahkamah berpuashati bahawa Plaintiff adalah berkelayakan menjadi penjaga (haadinah) berdasarkan syarat-syarat kelayakan pada seksyen 81 Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam Terengganu 1985 dan tiada sebarang sebab yang boleh menghilangkan hak kelayakan sebagai penjaga sebagaimana seksyen 82 enakmen yang sama.

Persetujuan yang kedua adalah berkaitan hak lawatan dan hak bermalam. Asas kepada isu ini adalah berdasarkan hukum wajibnya menyambung hubungan silaturrahim dan haramnya memutuskannya lebih-lebih lagi antara seorang anak dengan ibu atau bapanya. Perkara ini secara intipatinya telah dilarang oleh Allah S.W.T dalam sebahagian ayat 233, Surah al-Baqarah :



Yang bermaksud:

*“ Janganlah menjadikan seseorang ibu itu menderita kerana anaknya, dan (jangan juga menjadikan) seseorang bapa itu menderita kerana anaknya...”*

Maka atas perkara itu, ibu dan bapa boleh dibenarkan berjumpa, melawat dan bermalam dengan anak mereka pada suatu-suatu masa. Di dalam kitab “ Anwar al-Masalik Syarhu Umdah al-Salik Wa an-Nasik ” karangan as-Syeikh Muhammad al-Zuhri al-Ghamrawi halaman 310 ada menegaskan masalah ini seperti katanya:

وإذا إختار الولد أباه فيحرم عليه أن يمنعه من زيارة أمه ، وإن زارته الأم لم يمنعها من الدخول ، وإذا إختارت الأنتى الأب فله منعها من زيارة أمها والأم تزورها ، وإذا إختارت الأم كانت عندها ليلا ونهارا والأب يزورها .

Yang beerti :

*Jika anak lelaki memilih untuk tinggal bersama bapanya maka haram keatas bapa menghalang anak tersebut menziarahi ibunya , dan jika ibu anak tersebut datang untuk menziarahinya maka bapa kepada anak tersebut tidak boleh menghalang ibu anak tersebut masuk menemuinya.*

*Manakala jika sekiranya anak itu seorang perempuan dan ia memilih untuk tinggal bersama dengan bapanya , maka bapa boleh menghalang anak tersebut menziarahi ibunya , sebaliknya ibu anak tersebut lah yang menziarahi anaknya itu .*

*Jika anak perempuan memilih untuk tinggal dengan ibunya , maka anak tersebut akan bersama dengan ibunya diwaktu siang dan malam, manakala bapa dibenarkan untuk menziarahinya bila-bila masa yang sesuai*

Persetujuan yang ketiga adalah berkaitan pemakluman pihak-pihak kepada pihak yang satu lagi apabila ingin membawa Anak-anak Tersebut ke luar Negara. Di dalam kitab-kitab Perundangan Islam ada dibincangkan mengenai pemusafiran ibu dan bapa dan siapakah yang akan bersama anak-anak tersebut. Di dalam kitab *Mughni al Muhtaj*, karangan As-Sheikh Muhammad Al-Khatib As-Syarbini, (meninggal dunia dalam tahun 977 Hijrah), juzuk ketiga, cetakan Darul ma'rifah, pada muka surat 592 ada menyebut :

ولو أراد أحدهما سفر حاجة كان الولد المميز وغيره مع المقيم حتى يعود، أو سفر نقلة فالأب أولى بشرط أمن طريقه المقصود

Yang beerti :

*“ Dan sekiranya salah seorang daripada pihak ibu atau bapa ingin bermusafir dengan hajat ke suatu tempat (hajjah) dan anak yang dihadhanahkan itu mumayyiz ataupun belum mumayyiz maka hendaklah anak tersebut tinggal bersama pihak yang tidak bermusafir. Manakala sekiranya salah satu pihak tersebut ingin bermusafir secara berpindah dari satu tempat ke tempat yang lain (nuklah), maka anak tersebut lebih utama bersama bapanya sama ada bapa tersebut yang bermusafir atau bermukim dengan syarat perjalanan tersebut adalah selamat ”.*

Pada hari ini, ruh atau semangat mengenai penentuan anak ketika penjaganya ingin bermusafir wujud iaitu soal keselamatan anak tersebut, cuma suasananya dan perubahan zaman agak berbeza daripada apa yang dijelaskan oleh Ulama'-ulama terdahulu. Mungkin pada hari ini isu jarak tidaklah timbul tetapi isu keselamatan anak tersebut adalah perlu diutamakan. Keselamatan anak ketika berada dalam negara mungkin berbeza ketika berada di luar negara kerana polisi keselamatan, keadaan sosial dan politik sesebuah negara berbeza daripada negara yang lain. Jadi Mahkamah melihat pemakluman kepada satu pihak yang satu lagi apabila ingin membawa Anak-anak Tersebut ke luar Negara adalah wajar.

Setelah meneliti semua perkara di atas, Mahkamah mendapati semua persetujuan yang dicapai di Majlis Sulh antara xxxx, No. KP : 123456, Plaintiff dan Tajul Arifin bin Abd Manan, No. KP : 760104-11-5809, Defendan tidak bercanggah dengan ketetapan dan garis panduan Hukum Syara' dan Undang-undang.

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH  
DI KUALA TERENGGANU  
DI NEGERI TERENGGANU**

Dalam Perkara Tuntutan Hak Penjagaan Kanak-kanak

**SAMAN NO : 11200-028-0194-2012**

**ANTARA**

xxxx ---  
No. KP : 123456

**PLAINTIF**

**DENGAN**

yyyy ---  
No. KP : 123456

**DEFENDAN**

**DI HADAPAN YANG ARIF**  
**TUAN HAJI WAN MOHD ZAKRI BIN WAN MOHD, AMZ., PJK.,**  
**HAKIM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH NEGERI TERENGGANU**  
**DI KUALA TERENGGANU**

**PADA HARI SELASA, 22 REJAB 1433H**  
**BERSAMAAN 12 JUN 2012**

**ATAS TUNTUTAN** Plaintiff, Tuntutan ini dipanggil untuk Majlis Pertemuan Sulh dan dalam Pertemuan Sulh tersebut kedua-dua pihak telah membuat persetujuan. **MAKA PADA HARI INI YANG ARIF HAKIM TELAH MEMBUAT PERINTAH- PERINTAH SEPERTI BERIKUT :**

1. **SAYA PERINTAHKAN ATAS PERSETUJUAN KEDUA-DUA PIHAK** Hak Jagaan Kanak-kanak (Hadhanah) ke atas tiga (3) orang anak yang bernama :

**MUHAMMAD IRFAN BIN TAJUL ARIFIN,**  
**NO. MYKID : 011015-11-0741**  
**TARIKH LAHIR: 15 OKTOBER 2001,**

**DAMIA HUMAIRA BINTI TAJUL ARIFIN,**  
**NO. MYKID : 050516-11-0338**  
**TARIKH LAHIR: 16 MEI 2005, dan**

**DHIYA HUMAIRA BINTI TAJUL ARIFIN,**



**NO. MYKID : 090823-11-0510**

**TARIKH LAHIR: 23 OGOS 2009.**

( Selepas ini disebut " Anak- anak Tersebut " )

Diberikan kepada ibunya xxxx, No. KP : 123456, Plaintiff.

2. **SAYA PERINTAH** bahawa yyyy, No. KP : 123456, Defendan diberikan hak lawatan terhadap ketiga-tiga Anak-anak Tersebut pada bila-bila masa dan hak bermalam setelah mendapat persetujuan xxxx, No. KP : 123456, Plaintiff.
3. **SAYA PERINTAHKAN** bahawa xxxx, No. KP : 123456, Plaintiff hendaklah memaklumkan kepada yyyy, No. KP : 123456, Defendan sekiranya Plaintiff ingin membawa Anak-anak Tersebut ke luar Negara dan begitulah sebaliknya sekiranya Defendan ingin membawa Anak-anak Tersebut ke luar Negara hendaklah memaklumkan kepada Plaintiff.
4. **SAYA PERINTAHKAN** kos ditanggung oleh masing-masing.

**DI BERI Di BAWAH TANDATANGAN** saya Meterai Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Terengganu pada 18 Rabiulakhir 1432H, bersamaan 23hb. Mac 2011.

**METERAI**

**HAKIM SYARIE**